

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG)
Sent: Monday, July 2, 2018 4:37 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. Mohd Kamarulnizam Bin Abdullah; Abdul Rais B Mohamad Mokhtar; Khofizhoah binti Mohd Karim
Subject: MAJLIS PENYERAHAN TUGAS DAN MERAIKAN SUMBANGAN PEGAWAI PENYELIDIK GSGSG



Ghazali Shafie
Graduate School
of Government

Universiti Utara Malaysia

Serving the Global Community

2 JULAI 2018 /18 SYAWAL 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته



GSGSG ONLINE : Majlis Penyerahan Tugas dan Majlis Meraikan Sumbangan Pn. Khofizoah Mohd Karim yang telah bertukar ke Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC) telah diadakan pada 2 Julai 2018, Isnin bertempat di Bilik Mesyuarat Eksekutif (GSGSG).

Majlis dimulakan dengan kata-kata aluan daripada Dekan GSGSG, Prof. Dr. Mohd. Kamarulnizam Abdullah. Beliau mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pn Khofizoah di atas semua sumbangan kepada GSGSG. Beberapa wakil staf juga tidak melepaskan peluang mengucapkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas keprihatinan dan jasa baik sepanjang bertugas bersama-sama. Dalam majlis tersebut, Pn Khofizoah menyampaikan ucapan terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh warga GSGSG dan menyifatkan GSGSG sebagai satu jabatan yang mempunyai atmosfera positif serta tempat

yang seronok untuk bekerja dan antara kenangan yang tidak akan dilupakan. Buat seketika, majlis ini berjalan dalam suasana sedikit emosi.

Dalam majlis yang sama, antara yang diraikan ialah En. Abdul Rais B Mohamad Mokhtar yang menggantikan Pn Khofizoah sebagai Pegawai Penyelidik GSGSG. En Abdul Rais kemudian memperkenalkan diri dan majlis diteruskan dengan penyerahan dokumen serah tugas antara Pn Khofizoah dan En. Abdul Rais disaksikan Dekan GSGSG, Prof. Dr. Mohd. Kamarulnizam Abdullah. Turut sama hadir ke majlis ini ialah Pengarah Institute of Excellence for Islamic Jerusalem Studies (IEIJS), Dr. Aminurrasyid Yatiban dan semua staf pentadbiran GSGSG. Majlis kemudian berakhir dengan sedikit jamuan makan tengahari.

Dekan GSGSG berharap semua warga GSGSG dapat bekerjasama dan bekerja secara berpasukan bagi memastikan kualiti kerja dan perkhidmatan yang terbaik.

Ghazali Shafie Graduate School of Government

UUM COLGIS | Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia |

Tel: +6049287751 | Fax: +6049287799 | Email: gsgsg@uum.edu.my

Website : gsgsg.uum.edu.my | Facebook : Ghazali Shafie Graduate School of Government



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.